


MONOGRAF PENYELIDIKAN USIM
PEMBANGUNAN
BRJAVILLE
AL-QURAN
RASM UTHMANI

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif
Abdul Qadir Usman Al-Hamidy
Noornajihan Jaafar



MONOGRAF PENYELIDIKAN USIM

PEMBANGUNAN

BR **A** **ILLE**
L-QURAN
RASM UTHMANI

MONOGRAF PENYELIDIKAN USIM
PEMBANGUNAN
BR **A** **ILLE**
L-QURAN
RASM UTHMANI

Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Abdul Qadir Umar Usman Al-Hamidy

Noornajihan Jaafar

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083

penerbit.usim.edu.my

pej.penerbitan@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

CARD INFORMATION SDN. BHD

49, Jalan 31/ 10A, Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu,
68100 Kuala Lumpur. Malaysia.

Tel: 03-6177 7909 Faks:03-6187 4008

E-mail: *cisb49@yahoo.com.my*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif

Pembangunan braille al-Quran rasm Uthmani / Muhammad Mustaqim Mohd
Zarif, Abdul Qadir Umar Usman Al-Hamidy, Noornajihan Jaafar.

(Monograf penyelidikan USIM)

Bibliografi: ms. 125

ISBN 978-967-440-000-2

1. Qur'an--Orthography. 2. Braille books. I. Abdul Qadir Umar Usman Al-Hamidy.

II. Noornajihan Jaafar. III. Siri. IV. Judul.

297.1224042

KANDUNGAN



PRAKATA	vii
PENGHARGAAN	ix
SINGKATAN	xi
PENDAHULUAN	13
Permasalahan Kajian	13
Persoalan Kajian	15
Objektif Kajian	15
Metodologi dan Pelaksanaan Kajian	16
BAB 1: KEPERLUAN DAN PERANAN <i>RASM UTHMANI</i>	17
DALAM PENULISAN AL-QURAN	
Ilmu <i>Rasm al-Quran</i>	17
Pembahagian Ilmu <i>Rasm al-Quran</i>	17
Perhatian Ulama Terhadap <i>Rasm Uthmani</i>	19
Sejarah dan Peranan <i>Rasm Uthmani</i> dalam Penulisan al-Quran	19
Hukum <i>Rasm Uthmani</i> : Antara <i>Tawqifi</i> dan <i>Tawfiqi</i>	24
Ilmu <i>Dabt</i> dan Kepentingannya dalam Penulisan al- Quran	31
Penulisan al-Quran Braille: Adakah Perlu Mengikut <i>Rasm Uthmani</i> ?	37
BAB 2: <i>RASM UTHMANI</i> DAN PENANDAAN AL-QURAN:	43
PRINSIP DAN KAEDAH	
Prinsip dan Kaedah <i>Rasm Uthmani</i>	43
1) <i>al-Hazf</i>	43
2) <i>al-Ziyadah</i>	48
3) <i>al-Ibdal</i>	49
4) <i>al-Hamz</i>	52
5) <i>al-Fasl wa al-Wasl</i>	57
6) <i>Ma fihi Qira'atan Mutawatiran wa Kutiba 'ala</i> <i>Ihdahuma</i>	61

Penandaan al-Quran: Prinsip dan Kaedah	63
7) Tanda Bacaan <i>Rasm Uthmani</i>	64
8) Tanda Waqaf	67
9) Pembahagian Mashaf	68
BAB 3: AMALAN SEMASA MASYARAKAT ISLAM	71
DALAM PENULISAN AL-QURAN BRAILLE	
Jordan	72
Mesir	75
Arab Saudi	76
Tunisia	78
Indonesia	79
Malaysia	82
Analisis dan Perbincangan	86
BAB 4: PENGAPLIKASIAN KAEDAH <i>RASM UTHMANI</i>	89
DALAM PEMBANGUNAN AL-QURAN BRAILLE	
Pembangunan Prinsip Asas Penulisan al-Quran Braille	89
Mengikut Kaedah <i>Rasm Uthmani</i>	
Cadangan Model Rintis Transkripsi Surah Maryam	96
Berdasarkan Kaedah <i>Rasm Uthmani</i>	
RUMUSAN DAN CADANGAN	145
BIBLIOGRAFI	149
LAMPIRAN	155

PRAKATA



Monograf ini berkisar mengenai Braille al-Quran. Ia merupakan hasil penelitian dan laporan akhir daripada penyelidikan bertajuk “Pembangunan Braille al-Quran *Rasm Uthmani*” (kod penyelidikan PPP/FQS-03-10511) yang telah dilaksanakan dengan biaya daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ia bertujuan untuk membincangkan usaha rintis ke arah pembangunan standard penulisan al-Quran Braille berlandaskan kepada kaedah *Rasm Uthmani*. Usaha ini adalah penting untuk memastikan keseragaman dan ketepatan dalam ejaan dan penandaan ayat-ayat al-Quran yang boleh mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dan kesalahan dari aspek bacaannya. Selain itu, beberapa isu penting berkaitan seperti fatwa mengenai penulisan mashaf Braille, ciri-ciri kaedah *Rasm Uthmani* dan penandaan al-Quran serta perbandingan antara beberapa mashaf Braille terbitan negara Islam turut menjadi fokus perbincangan.

Pembangunan sampel rintis penulisan al-Quran Braille *Rasm Uthmani* menerusi surah Maryam diharapkan dapat menjadi asas dan membuka jalan ke arah perbincangan yang lebih mendalam dalam aspek ini. Ini kerana, penghasilan sesuatu standard dalam penulisan al-Quran Braille hendaklah seimbang antara kedua-dua aspek kaedah penulisan al-Quran dan kesesuaian dengan keperluan dan kemampuan golongan OKU Penglihatan sendiri sebagai pengguna.

Justeru, dengan penerbitan monograf ini diharapkan dapat menjadi asas kepada perbincangan yang lebih sistematik ke arah merealisasikan pembangunan standard mashaf Braille Malaysia yang sedang diusahakan secara bersama oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN) dan USIM dengan kerjasama beberapa organisasi yang mewakili OKU Penglihatan Islam di Malaysia. Semoga niat dan usaha murni ini mendapat keredaan Allah SWT dan dapat menyumbang ke arah pembudayaan al-Quran dengan lebih meluas dan sistematik di negara ini khasnya, dan negara Islam lain amnya, amin.

PENGHARGAAN



Segala puji hanyalah ditujukan kepada Allah SWT atas segala kurnia, inayat dan taufik daripada-Nya dapat kami menyelesaikan projek penyelidikan bertajuk “Pembangunan Braille al-Quran *Rasm Uthmani*” ini. Di kesempatan ini, ingin kami merakamkan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas kepercayaan yang diberikan kepada kami menerusi pemberian skim geran penyelidikan untuk melaksanakan projek ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan juga kami tujukan kepada pihak Penerbit USIM yang telah sudi dan bertungkus-lumus menerbitkan monograf ini dalam tempoh waktu yang diperlukan.

Kepada Dekan dan semua warga Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), kakitangan Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), al-Fadil Ustaz Khairul Anuar Mohamad, serta rakan-rakan yang telah membantu dalam menjayakan penerbitan monograf ini, *jazakallah khairan kathiran* kami ucapkan. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kami kepada beberapa organisasi luar yang telah banyak menyumbang ke arah pelaksanaan projek ini terutamanya pihak Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Persatuan Bagi Orang-orang Buta Malaysia (MAB) dan sebagainya yang telah banyak memberikan input yang berguna serta sokongan perolehan perisian dan peralatan Braille yang diperlukan.

Akhir kata, diharapkan agar projek penyelidikan yang dijalankan ini merintis jalan ke arah merealisasikan penghasilan standard penulisan al-Quran Braille berteraskan *Rasm Uthmani* secara lebih menyeluruh di Malaysia yang sudah semestinya memerlukan sokongan, dukungan serta kerjasama yang jitu daripada pihak yang berwajib di negara kita. Semoga Allah SWT memberkati semua usaha yang dijalankan untuk menyebarkan dan memartabatkan al-Quran dalam kalangan masyarakat OKU Penglihatan di negara ini khasnya dan di dunia luar amnya, amin.

Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Dr. Abdul Qadir Umar Usman Al-Hamidy, Noornajihan Jaafar

SINGKATAN



a.s.	<i>'alaihi al-salam</i>
H	Hijrah
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri Malaysia
M	Masihi
m.	Meninggal dunia
MAB	<i>Malaysian Association for the Blind</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PERTIS	Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia
r.a.	<i>Radiya Allah 'anhu</i>
SAW	<i>Sallahahu 'alaihi wasallam</i>
SWT	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
YAKETUNIS	Yayasan Kesejahteraan Tunanetra Islam
YPWG	Yayasan Penyantun Wyata Guna

PENDAHULUAN



Braille merupakan satu sistem tulisan berasaskan sentuhan yang telah diaplikasikan penggunaannya oleh Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan dalam bacaan al-Quran. Walaupun eksplorasi awal penghasilan al-Quran Braille telah bermula seawal pertengahan kedua abad ke-20 di Timur Tengah, namun, perkembangannya berlaku agak lewat dan perlahan di Malaysia. Sehingga kini, hanya terdapat satu edisi al-Quran Braille terbitan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) yang telah disahkan dan digunakan dengan meluas. Ia bersumberkan al-Quran Braille terbitan Indonesia dan berlandaskan kepada kod Braille bahasa Arab Gred 1. Kebanyakan daripada mashaf Braille lain yang dicetak di Malaysia pada hari ini pula adalah bersumberkan kepada draf al-Quran Braille daripada PERTIS.

Walau bagaimanapun, al-Quran Braille terbitan PERTIS mengandungi beberapa kelemahan dan kesalahan dari aspek penulisan (*rasm*) al-Quran. Selain tidak berlandaskan kepada *Rasm Uthmani*, ia juga tidak seragam dalam sistem ejaan perkataan-perkataan tertentu. Di samping itu, wujud percanggahan dalam penggunaan tanda-tanda tajwid, *waqaf* dan sebagainya. Masalah ini berlaku kerana al-Quran Braille ini hanya disalin semula daripada al-Quran sedia ada tanpa berlandaskan kepada kaedah dan prinsip penulisan serta penandaan (*dabt*) al-Quran yang tepat. Ini kerana, tiada model yang khusus yang boleh menjadi garis panduan kepada kaedah penulisan al-Quran Braille, terutamanya yang melibatkan kod Braille bahasa Arab Gred 1.

Justeru, kajian ini terfokus untuk membangunkan model rintis dan sampel penulisan al-Quran Braille berdasarkan enam prinsip utama *Rasm Uthmani* dan prinsip-prinsip lain yang berkaitan. Ia juga merupakan usaha awal yang penting ke arah pembinaan model penulisan al-Quran Braille berdasarkan *Rasm Uthmani* yang lebih komprehensif di peringkat kebangsaan.

Permasalahan Kajian

Pengadaptasian Braille dalam penulisan al-Quran di Malaysia (Noor Najihan & Kauthar 2008) telah membuka peluang yang lebih luas kepada OKU Penglihatan untuk sama-sama membudayakan al-Quran dalam kehidupan mereka. Namun, di sebalik kepentingannya, terdapat pelbagai isu berkaitan al-Quran Braille yang perlu kepada penyelidikan

dan penyelesaian supaya ia benar-benar dapat dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukannya. Berdasarkan beberapa penyelidikan awalan mengenainya (Ahmad Kamel et.al 2008; Abualkishik & Khairuddin 2008; Zakaria 2008) yang disusuli pengalaman pengajaran kursus “Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah” (QAA4013) di USIM, terdapat beberapa isu dan kelemahan berkaitan al-Quran Braille yang perlu ditangani dengan sewajarnya. Yang paling ketara ialah ketiadaan model penulisan al-Quran Braille yang boleh menjadi rujukan. Ini menyebabkan naskhah al-Quran Braille yang ada di Malaysia yang berdasarkan kepada kod Braille bahasa Arab Gred 1 tidak konsisten dari aspek penulisan perkataan-perkataan al-Quran, yang kerap kali memberikan implikasi terhadap ketepatan kaedah tajwid dan bacaannya.

Sebaliknya, penulisan al-Quran biasa didasarkan kepada kaedah penulisan (*rasm*) al-Quran yang disepakati, terutamanya *Rasm Uthmani* (al-Dabba’ 1999). Di Malaysia khususnya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks al-Quran telah menguatkuasakan Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 sebagai asas untuk memastikan kesucian al-Quran terus terpelihara daripada sebarang kesalahan. Badan berwajib berkenaan juga telah menerbitkan *Panduan Rasm Uthmani* (2007) sebagai garis panduan penulisan dan penyalinan al-Quran yang tepat berdasarkan kepada kaedah penulisan al-Quran yang disepakati.

Justeru, kajian ini menganalisis isu kaedah penulisan al-Quran, terutamanya kaedah *Rasm Uthmani* dan sejauh mana ia perlu dan boleh diaplikasikan dalam memastikan ketepatan penulisan al-Quran Braille. Kajian ini cuba membangunkan sebuah model rintis al-Quran Braille menerusi sampel surah Maryam yang berlandaskan kepada enam prinsip utama *Rasm Uthmani* dan prinsip-prinsip lain yang berkaitan. Menerusi sampel yang dibangunkan, kajian eksplorasi ini diharapkan dapat membuka jalan ke arah merealisasikan pembangunan standard al-Quran Braille yang lebih komprehensif serta berpotensi menjadi rujukan yang berautoriti dalam hal-ehwal berkaitan penulisan al-Quran Braille.

Ini kerana proses pembelajaran al-Quran tidak boleh terhenti setakat bacaannya sahaja, walaupun ia merupakan keperluan utama yang perlu dikuasai oleh seseorang sebelum melangkah dengan lebih jauh lagi. Dengan model penulisan yang betul, proses pembelajaran al-Quran OKU Penglihatan diharap dapat dikembangkan lagi di masa depan untuk merangkumi pelbagai aspek berkaitan kaedah pembelajaran, pemahaman dan penghayatannya dalam kehidupan.

Persoalan Kajian

1. Apakah keperluan dan peranan kaedah penulisan (*rasm*) al-Quran dalam memastikan ketepatan penulisan al-Quran dan al-Quran Braille?
2. Apakah implikasi dan masalah yang timbul daripada penghasilan penulisan al-Quran Braille yang tidak berlandaskan kaedah penulisan (*rasm*) al-Quran?
3. Bagaimanakah kaedah penulisan (*rasm*) al-Quran dan *Rasm Uthmani* dapat diaplikasikan dalam penulisan al-Quran Braille?
4. Sejauh manakah kaedah yang diaplikasikan ini dapat dibangunkan dalam sebuah model penulisan al-Quran Braille berdasarkan *Rasm Uthmani*?

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti keperluan dan peranan kaedah penulisan (*rasm*) al-Quran dalam memastikan ketepatan penulisan al-Quran dan al-Quran Braille.
2. Menilai kesalahan dan masalah yang timbul dalam penulisan al-Quran Braille sedia ada berdasarkan naskhah-naskhah al-Quran Braille terpilih yang tidak berlandaskan kepada kaedah penulisan al-Quran yang konsisten.
3. Mengaplikasikan kaedah-kaedah yang terdapat dalam penulisan (*rasm*) al-Quran dan *Rasm Uthmani* dalam penulisan al-Quran Braille.
4. Membangunkan model rintis penulisan al-Quran Braille menerusi surah Maryam sebagai sampel berdasarkan kaedah *Rasm Uthmani*.

Metodologi dan Pelaksanaan Kajian

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa seperti berikut:

Fasa 1: Analisis Keperluan

Dalam fasa ini, metode kajian perpustakaan dilaksanakan untuk mengumpulkan dan mendapatkan fatwa-fatwa dan pandangan para ilmuwan Islam yang muktabar mengenai hukum, keperluan, kepentingan dan kaedah penulisan al-Quran Braille yang betul dan bersesuaian. Di samping itu, pandangan PERTIS selaku penerbit al-Quran Braille di Malaysia dan mewakili OKU Penglihatan Islam di Malaysia mengenai perkara ini juga dikumpulkan menerusi temu ramah bersama ahlinya.

Fasa 2: Mereka Bentuk Model Braille al-Quran Rasm Uthmani

Dalam fasa ini, sorotan, penelitian dan analisis dilakukan terhadap beberapa sampel al-Quran Braille terbitan Malaysia dan negara-negara Islam lain seperti Indonesia, Arab Saudi, Jordan dan sebagainya untuk mengenal pasti amalan serta metode penulisan al-Quran berdasarkan kod Braille bahasa Arab Gred 1 yang digunakan. Seterusnya, dapatan daripada sorotan ini dibandingkan dengan kaedah penulisan (*rasm*) dan penandaan (*dabt*) al-Quran untuk menilai dan mengenal pasti masalah dan kesalahan yang timbul yang bertentangan dengan prinsip *rasm* al-Quran yang disepakati.

Fasa 3: Pembangunan Model Rintis Braille al-Quran Rasm Uthmani

Dalam fasa ini, analisis teks dan kandungan yang lebih mendalam (*in-depth*) dilaksanakan untuk membangunkan sebuah model rintis penulisan al-Quran Braille menerusi surah Maryam berdasarkan kepada kaedah *Rasm Uthmani*. Enam ciri utama *Rasm Uthmani* iaitu *al-Hazf*; *al-Ziyadah*; *al-Ibdal*; *al-Hamz*; *al-Fasl wa al-Wasl*; *Ma fihi Qira'atan Mutawatiran wa kutiba 'ala lhdahuma*, di samping kaedah penandaan (*dabt*) al-Quran, ejaan perkataan, tanda *waqaf*, dan lain-lain perkara yang berkaitan dijadikan teras untuk pembangunan sebuah model rintis Braille al-Quran yang dicadangkan.

BAB 1

KEPERLUAN DAN PERANAN *RASM UTHMANI* DALAM PENULISAN AL-QURAN



Ilmu *Rasm al-Quran*

Rasm menurut kamus bahasa Arab bermakna bekas, peninggalan, sisa dan tulisan (Ibn Manzur t.th.; 'Inani 1937). Menurut al-Dabba' (1938: 27), ia turut memberikan makna garisan, tulisan dan kepingan, walaupun ia selalunya merujuk kepada tulisan mashaf. Justeru, *rasm* secara umumnya bermakna bekas, peninggalan, garisan dan tulisan yang ditinggalkan oleh orang dahulu yang ditemui oleh orang yang datang sesudah mereka.

Rasm menurut istilah pula ialah: "Tulisan huruf-huruf mashaf yang dikumpulkan oleh para Sahabat Rasulullah SAW pada masa Abu Bakar r.a. dan diulang salin pada masa Uthman bin Affan r.a. dengan cara-cara yang tertentu untuk dijadikan pegangan kaum Muslim dan untuk rujukan penulisan mashaf selanjutnya" (al-Marighani 1994).

Pembahagian Ilmu *Rasm al-Quran*

Ilmu *Rasm* terbahagi kepada tiga jenis:

1. *Rasm Qiyasi (Imla'i)*

Ia bermaksud tulisan yang melambangkan bunyi huruf yang diucapkan sesuai dengan ejaan bunyi hurufnya masing-masing, baik di awal, di tengah, mahupun di akhir dengan tidak berlebihan atau berkurangan antara bunyi huruf yang diucapkan dengan yang dituliskan (al-Dabba' 1938). Asas kaedah *Rasm Qiyasi* diperkenalkan oleh ulama Basrah dan Kufah yang mengambil sumbernya daripada mashaf-mashaf Uthmani yang dikirim ke Basrah dan Kufah, selain daripada sumber ilmu Nahu dan Saraf.

Kaedah-kaedah *Rasm Qiyasi* ini, walaupun telah diklasifikasikan dan disusun rapi, namun terdapat juga perselisihan mengenainya dan ia terus mengalami perubahan, penggantian dan perkembangan dari semasa ke semasa. *Rasm* inilah yang digunakan dalam penulisan buku-buku biasa. Namun, penggunaan bentuk *Rasm Qiyasi* ini tidak sepenuhnya sesuai antara yang ditulis dengan yang diucapkan.

BIBLIOGRAFI



Mashaf Braille:

- al-Amanah al-'Ammah li al-Tarbiyah al-Khassah. t.th. *al-Quran al-Karim bi Riwayah Hafs 'an 'Asim*. Riyadh.
- al-Ittihad al-Qaumi li al-Makfufin. 1976. *al-Quran al-Karim bi al-Khatt al-Bariz li al-Makfufin hasb Riwayah Qalun*. Tunis.
- al-Markaz al-Namuzaji li Ri'ayah wa Tawjih al-Makfufin. 1962. *al-Quran al-Karim*. Kaherah.
- Jam'iyyah al-Muhafazah 'ala al-Quran al-Karim. 2005. *al-Quran al-Karim bi Nizam Braille*. al-Zarqa'.
- Madrasah al-'Ala'iyah li al-Makfufin. 1952. *al-Quran al-Karim*. Jordan.
- PERTIS. 1999. *al-Quran al-Karim bi al-Kitabah al-'Arabiyyah al-Nafirah*. Kuala Lumpur.
- Pusat Sumber Braille. 2010. *al-Quran al-Karim Tulisan Braille*. Kuala Lumpur.
- YAKETUNIS. 1976. *Al-Quranulkarim dalam Huruf Arab Braille*. Yogyakarta.
- YPWG. 2010. *Al-Quraanul Kariim dalam Huruf Braille Berpedoman kepada Mushaf Standar dengan Terjemah*. Bandung.

Sumber Rujukan Lain:

- 'Inani, Mustafa. 1937. *Natijah al-Imla'*. Kaherah: Mahmud Tawfiq.
- Abu Daud, Sulaiman ibn Najah. 2000. *Mukhtasar al-Tabyin li Hija' al-Tanzil*. Peny. Ahmad ibn Ahmad ibn Muammar Sharsal. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf.
- Abu Shahbah, Muhammad ibn Muhammad. 1987. *al-Madkhal li Dirasah al-Quran*. Riyadh: Dar al-Liwa'.

- Abualkishik, Abdallah M. and Khairuddin Omar. 2008. "Quranic Braille System". *Proceedings of World Academy of Science, Engineering and Technology*. jil. 36, hal. 115-121.
- Ahmad Kamel, M.Mustaqim M.Zarif, K.Anuar Mohamad, M.A. Yusoff. 2008. *Metode Pengajian Braille al-Quran*. Laporan Akhir Penyelidikan PPPP(H)/2005. Nilai: USIM.
- al-Andalusi, Abdul Wahid ibn 'Ashur. 1995. *Tanbih al-Khallan 'ala al-'lan bi Takmil Mawrid al-Zam'an fi Rasm al-Baqi min Qiraah al-A'immah al-A'yan*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husain ibn Mas'ud. 1988. *Ma'alim al-Tanzil*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- al-Baihaqi, Ahmad ibn Husain. 1989. *Shu'ab al-Iman*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Dabba', 'Ali Muhammad. 1938. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Abdul Hamid Ahmad Hanafi.
- al-Dabba', 'Ali Muhammad. 1999. *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Dani, Abu 'Amr. 1978. *al-Muqni' fi Rasm Masahif al-Amsar*. Kaherah: Maktabah Kulliyat al-Azhariyyah.
- al-Dani, Abu 'Amr. 1997. *al-Muhkam fi Naqt al-Masahif*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Farmawi, Abdul Hayy. 1977. *Rasm al-Mushaf baina al-Mu'ayyidin wa al-Mu'aridin*. Kaherah: Maktabah al-Azhar.
- al-Farmawi, Abdul Hayy. 1978. *Qissah al-Naqt wa al-Shakl fi al-Mushaf al-Sharif*. Kaherah: Maktabah Hasan.
- al-Farmawi, Abdul Hayy. t.th. *Rasm al-Mushaf wa Naqtuh*. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah.
- al-Khamis, Abdullah ibn Abdul Wahid. 2003. "Kitabah al-Quran al-Karim bi Nizam Braille". *Majallah Buhuth al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*.
- al-Kurdi, Muhammad Tahir ibn Abdul Qadir. 1952. *Tarikh al-Quran wa Ghara'ib Rasmih wa Hukmih*. Kaherah: Mustafa al-Halabi.

- al-Marighani, Ibrahim ibn Ahmad. 1994. *Dalil al-Hairan 'ala Maurid al-Zam'an fi Fannai al-Rasm wa al-Dabt: Sharh 'ala Manzumah Muhammad ibn Ahmad al-Sharisi al-Shahir bi al-Kharraz*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qadi, Abdul Fattah Abdul Ghani. 1965. *Tarikh al-Mushaf al-Sharif*. Kaherah: Maktabah al-Mashhad al-Husaini.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Salih, Subhi. 1977. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Sayyid Handawi, Ali Ismail. 1989. *Jami' al-Bayan fi Ma'rifah Rasm al-Quran*. Riyadh: Dar al-Furqan.
- al-Sijistani, Ibn Abu Daud. 2002. *Kitab al-Masahif*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. 1987. *Mukhtasar al-Itqan*. Ikhtisar wa Ta'liq: Salahuddin Arqadan. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- al-Suyuti, Jalaluddin Abdul Rahman. 2005. *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Arab Saudi: Mujamma' Malik Fahd.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. t.th. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran*. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
- al-Tanasi, Abu Abdullah Muhammad. 1999. *al-Tiraz fi Sharh Dabt al-Kharraz*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf.
- al-Zamakhshari, Jarullah Abu al-Qasim Mahmud. 1953. *al-Kashshaf*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- al-Zarkashi, Badruddin Muhammad ibn Abdullah. t.th. *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- al-Zarqani, Abdul Azim. 1996. *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Anonimus. 2002. *Nizam Braille 'Arabi al-Mutawwar*. Riyadh: Matabi' Khadim al-Haramain al-Sharifain li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif bi Tariqah Braille.

- Azahari Haji Othman. 1997. *Laporan Jawatankuasa Kerja Penyemakan al-Quran Braille Darul Quran JAKIM*. Dokumen rasmi tidak diterbitkan. 15 Oktober.
- H. Muhammad Shohib (peny.). 2011. *Buku Pedoman Membaca dan Menulis al-Quran Braille*. Jakarta: LPMA.
- Ibn al-Jazari, Abu al-Khair Muhammad. 1993. *al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad. 1997. *al-Sahib fi Fiqh al-Lughah al-'Arabiyyah wa Masailaha*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman Abu Zaid. 1957. *Tarikh Ibn Khaldun al-Musamma al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukrim. t.th. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ismail, Sha'ban Muhammad. 2001. *Rasm al-Mushaf wa Dabtuha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. 5- 6 Jun 1989. Fatwa tidak diwartakan.
- Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. 25 Mac 1990. Fatwa tidak diwartakan.
- Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN). 2007. *Panduan Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: KKDN.
- Mohd Najmuddin. 2007. "Sejarah Perkembangan Al Quran Braille di Indonesia". *Laman Web Komunitas Sahabat Mata*. <http://jalancahaya.org/sejarah-perkembangan-al-quran-braille-di-indonesia.html> (21 Mac 2012).
- Noor Najihan Jaafar dan Kauthar Abd. Kadir. 27-28 Ogos 2008. "Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya". *Prosiding Seminar Warisan al-Quran dan Hadith Nusantara 2008*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hal. 221-228.
- Qadduri, Ghanim. 1982. *Rasm al-Mushaf: Dirasah Lughawiyah Tarikhiyyah*. Iraq: al-Lujnah al-Wataniyyah.

- Qadi 'Iyad, Abu al-Fadl al-Yahsubi. t.th. *al-Shifa bi Ta'rif Huquq al-Mustafa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Salim Muhaisin, Muhammad. 1994. *al-Fath al-Rabbani fi 'Alaqah al-Qiraat bi al-Rasm al-Uthmani*. Riyadh: Jami'ah Imam Muhammad ibn Su'ud al-Islamiyyah.
- Salim Muhaisin, Muhammad. 2002. *Irshad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Dar al-Muhaisin.
- Solehudin. 2011. *Pembelajaran al-Qur'an Braille bagi Tunanetra Rehabilitasi di PSBN Wyata Guna Bandung*. Skripsi Sarjana Pendidikan, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Zakaria b. Yahya. 15 November 2008. "Perkembangan dan Isu Terkini dalam Penulisan al-Quran Braille: Satu Tinjauan Umum". *Seminar Perkembangan dan Isu Terkini Dalam Penulisan al-Quran Braille*. Kuala Lumpur, PERTIS: 14 hal.

MONOGRAF PENYELIDIKAN USIM
PEMBANGUNAN
BR/ A I L L E
A L - Q U R A N
R A S M U T H M A N I

Pengadaptasian Braille dalam penulisan al-Quran merupakan salah satu usaha penting yang dilakukan oleh umat Islam untuk memastikan golongan OKU Penglihatan Muslim berpeluang untuk mempelajari dan membaca Kalam Allah dengan lebih sistematik dan berkesan. Sehingga hari ini, sejumlah negara Islam termasuk Malaysia telah menghasilkan mashaf Braille mereka sendiri untuk memenuhi keperluan masyarakat. Namun kesemua mashaf Braille tersebut tidak berlandaskan kepada kaedah Rasm Uthmani. Perkara ini bukan sahaja menyebabkan variasi ejaan perkataan al-Quran antara sesebuah mashaf Braille dengan yang lain, bahkan ada juga daripadanya yang mengandungi kesilapan dan ketidakseragaman dalam ejaan dan penandaan ayat-ayat al-Quran. Justeru, adalah perlu untuk kembali kepada kaedah Rasm Uthmani yang digunakan dalam penulisan mashaf biasa dan diadaptasikan ke dalam tulisan Braille. Ia boleh mengelakkan daripada berlakunya kesilapan selain mengurangkan perbezaan dalam kaedah penulisan al-Quran Braille. Oleh yang demikian, kajian rintis yang dijalankan ini bertujuan meneroka isu berkaitan pembangunan Braille al-Quran berlandaskan kaedah Rasm Uthmani. Beberapa isu penting berkaitan seperti fatwa mengenai penulisan mashaf Braille, ciri-ciri kaedah Rasm Uthmani dan penandaan al-Quran menjadi fokus utama perbincangan. Selain itu, perbandingan antara beberapa mashaf Braille terbitan negara Islam turut dilakukan untuk mendapatkan perspektif dan masalah yang wujud. Hasilnya, sebuah model penulisan al-Quran Braille berteraskan kaedah Rasm Uthmani dicadangkan. Surah Maryam pula dijadikan sebagai sampel rintis untuk tujuan tersebut. Adalah diharapkan agar dapatan dan model yang dicadangkan ini disambut oleh pihak berwajib dalam usaha untuk membangunkan sebuah model penulisan al-Quran Braille Rasm Uthmani yang bukan sahaja bertepatan dengan kaedah penulisan al-Quran, bahkan dapat dimanfaatkan oleh OKU Penglihatan dengan sebaik-baiknya.

